

**KENYATAAN MEDIA**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PHARMANIAGA SUMBANG BEKALAN UBAT DAN  
PERALATAN PERUBATAN BANTU KLINIK KESIHATAN  
MANSIAT YANG MUSNAH TERBAKAR**

**KOTA KINABALU, 26 OGOS 2022** – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) telah menyumbangkan bekalan dan peralatan perubatan bagi membantu Klinik Kesihatan Mansiat di Keningau, Sabah, yang musnah terbakar pada bulan lalu.

Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Datuk Zulkarnain Md Eusope berkata sumbangan bekalan dan peti sejuk untuk menyimpan ubat-ubatan bagi membolehkan penduduk terus mendapat bekalan.

“Kami merasa terkejut dan simpati apabila mendengar berita tentang kebakaran itu, lantas menghulurkan bantuan dengan kadar segera. Usaha pengagihan bekalan dan peralatan perubatan ini diharap dapat membantu Klinik Kesihatan Mansiat yang telah musnah sepenuhnya.”

“Keutamaan kami untuk menyumbang sedikit bekalan dan peralatan perubatan kepada klinik tersebut, agar dapat meringankan beban penduduk atau pesakit yang memerlukan bantuan.”

Klinik berstruktur kayu yang terletak di Jalan Tulid, Sook itu terletak 40 km dari Keningau dan telah memberikan perkhidmatan kepada penduduk di situ sejak 1970-an.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT



### **MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD**

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

***Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel [zuhri@pharmaniaga.com](mailto:zuhri@pharmaniaga.com)***